

06 OCT 1999

Mahathir-Timor

MAHATHIR MAHU PBB TUBUH PASUKAN PENGAMAN BAGI TIMOR TIMUR

KUALA LUMPUR, 6 Okt (Bernama) -- Malaysia mahu Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) menubuhkan segera sebuah pasukan pengaman yang khusus bagi Timor Timur dan Malaysia bersedia menghantar sepasukan besar tentera ke sana, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Malaysia tiada masalah untuk menghantar sejumlah besar tentera ke sana. Buat masa ini ia bukanlah benar-benar sebuah pasukan pengaman, ia merupakan langkah sementara yang diusahakan terutamanya oleh Australia, tetapi PBB telah mengizinkannya," kata beliau.

Interfet dibentuk kerana proses membuat keputusan PBB mengenai pasukan pengaman terlalu lembab, katanya pada sidang berita sekembalinya daripada lawatan kerja dua minggu ke New York, London dan Victoria Falls.

"Mereka malahan tidak tahu di mana mereka akan mendapatkan wang untuk membiayai pasukan pengaman itu," katanya.

Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali adalah di antara mereka yang hadir menyambut kepulangan Dr Mahathir di Lapangan terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang.

Buat masa ini Malaysia mempunyai 30 anggota dalam Interfet yang diketuai seorang brigadier-jeneral.

Sebelum itu sekumpulan kira-kira 60 pemerhati tentera and polis Malaysia ditugaskan dalam Unamet, misi bantuan PBB ke Timor Timur, menjelang pungutan suara pada 30 Ogos.

Perdana Menteri berkata kerajaan pada peringkat awalnya perlu menanggung kos penghantaran tenteranya bagi tugas pengaman sehingga PBB membuat pembayaran.

"Kita tidak berkongsi kos dengan PBB. Saya ingin memaklumkan bahawa apabila kita menghantar tentera ke luar negara, kita masih membayar gaji mereka, sebagai tambahan tentulah mereka menerima bayaran daripada PBB," katanya.

Jadi dengan menghantar pasukan tentera untuk berkhidmat dalam pasukan pengaman PBB tidak bermakna Malaysia dapat menjimatkan wang, katanya.

"Tetapi jika PBB tidak membuat bayaran, tentunya kos bagi kita amat tinggi buat masa ini memandangkan mereka telah menurunkan nilai matawang kita, sekarang 3.8 bagi satu dolar, sebelum ini 2.5," katanya.

Dr Mahathir berkata kos bagi Malaysia dalam ringgit amat tinggi, kerana askar yang berkhidmat di luar negara perlu dibayar elaun bertugas di luar negara dan sebagainya.

"Jadi PBB perlu menanggung kos ini kerana kalau diikutkan (masalah di Timor Timur) ini berlaku kerana PBB membiarkannya terjadi...ada agensi PBB sebenarnya memaksa Indonesia mengadakan pungutan suara pada ketika Indonesia sebenarnya tidak mampu untuk berkempen, mengajak penduduk Timor Timur menyokong penyepaduan," katanya.

Sambil berkata, pungutan suara adalah hampir sama dengan pilihan raya, Perdana Menteri berkata adalah tidak adil untuk mengadakan pilihan raya apabila hanya satu pihak yang dibenarkan berkempen.

"Kita juga mahu berbuat demikian, pembangkang tidak boleh berkempen, hanya kerajaan dibenarkan berkempen tetapi adakah anda fikir itu adil, tetapi inilah yang berlaku di Timor Timur.

"Satu pihak memujuk penduduk Timor Timur bahawa jika mereka merdeka... mereka akan menerima bantuan, mereka akan dilindungi, mereka akan dipertahankan dan sudah tentu penduduk Timor Timur, walaupun mereka telah bersama Indonesia selama 35 tahun, mereka memutuskan bahawa mereka perlu

merdeka," katanya.

Dr Mahathir berkata jika satu tempoh kempen dibenarkan bagi Indonesia untuk menjelaskan kepada penduduk Timor Timur kenapa mereka perlu bersepadu dengan republik itu, keputusannya belum tentu.

"Ini pendapat saya, ia bukan merupakan pendapat Indonesia, ini hanya pandangan saya bahawa dalam apa perkara sekalipun kita perlu saksama, kita perlu adil kepada rakyat, kita perlu adil kepada negara-negara," katanya.

-- BERNAMA

AFY RON